



Kerana tidak sesuai dengan dasarnya khabarnya, inilah yang menjadi sebab kakitangan Utusan Melayu mogok. Kalau betul khabar ini adalah menjadi suatu pertanyaan itu kakitangan yang bekerja atau pihak yang mengelola atau yang adakah yang berkuasa di dalam menetapkan atau menentukan dasar punya. Beginilah dunia bebas buang! Yang punya tidak berkuasa.

\* \* \*

Ustaz Daud di kapal haji tidak senang mengapa orang pungut derma untuk tukang bang (muazzin). Harus ia berpendapat mengapa orang azan pagi-pagi tidak begitu penat dipungutkan derma sedang untuknya yang hampir serak suara bersyarah di kapal yang ditumpanginya dengan bayaran yang peri itu, tidak dipungutkan derma. Tatkala ditanya mengapa tidak dipungut derma kepada orang ramai buat hadiah-hadiah peraduan Qur'an ia menyatakan orang-orang di kapal haji yang pulang itu telah kekeringan atau ringkasnya telah bangsat. Orang ramai hairan apabila ditanya semula ia menyatakan bahawa ia tidak menegah orang berderma walaupun pada saat itu (saatnya berkata-kata) kerana derma-derma sentiasa diterima sedang ia sendiri menyediakan koceknya untuk menerima derma daripada dermawan-dermawan-*mā shā Allāh* tuan haji baharu. Barangkali falsafahnya didapatinya sesudah pergi hajikah.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman di dalam *Minggu Bahasa* dengan tegas menyatakan bahawa bahasa Melayu mestilah menjadi bahasa rasmi yang tunggal di Persekutuan Tanah Melayu yang mesti terlaksana pada tahun 1967. Siapa yang cuba hendak menjadikan bahasa lain bersama-sama menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi harus mereka akan menerima "akibat-akibat yang tidak dikehendaki". Amaran seperti

ini adalah sebagai langkah yang tegas dan mesti disambut.

Mudah-mudahan Tengku akan mengotakan kata-kata beliau yang berharga itu - syabas Tengku!

\* \* \*

Rang Undang-undang Hukum Islam di Singapura khabarnya telah disemak semula oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan. Ini disyukuri. Semoga ahli-ahli majlis bersungguh menyemaknya supaya kelak Undang-undang itu tidak menyinggung atau bertentangan dengan Hukum-hukum Islam. Dengan adanya ini tidaklah lagi bermakna bahawa orang-orang tidak mahu kepada sesuatu Rang Undang-undang buat orang Islam tetapi orang-orang berkehendak kepadanya asalkan sahaja tidak menentang dasar-dasar Islam. Mudah-mudahan ahli-ahli Majlis Islam penasihat kerajaan bersungguh menjalankan tanggungjawabnya dalam melaksanakan sesuatu yang mengenai hukum yang berkenaan dengan orang-orang Islam.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman telah mengemukakan rancangan satu negara persatuan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara di bawah sebuah kerajaan Malaysia (Melayu Raya). Ini bagus dan mustahak disokong seratus peratus – hanya ada setengah-setengah orang ingin tahu apakah nama kebangsaan? Mudah-mudahan kelak lama-kelamaan akan dapat dijelaskan oleh Tengku.

\* \* \*

Ada orang tanya mengapa Cemeti al-Farouk tidak melihatkan mukanya selama dua bulan lebih. Pembaca-pembaca tentu tahu bahawa ia sedang bercuti. Di dalam bercuti itu ia tidak lupa belajar buat kopi yang lebih sedap lagi:

kopi pahit, kopi manis jambu, kopi sedap dan kopi manis sebab itu harus kelak ada orang dapat kopi pahit, manis jambu, sedap dan kopi itu menyegarkan mata orang-orang yang meminumnya. Selalu bertanya manis. Sungguhpun begitu jangan lupa bahawa biasa kopi atau berhubung kepadanya kopi apa yang tuan-tuan kehendaki -

Cemeti al-Farouk.